

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: SINAR HARIAN (DARI JOHOR)

TARIKH: 02 FEBRUARI 2018

MUKA SURAT: 33

MBJB sedia kerjasama dengan SPRM tangani isu rasuah

JOHOR BAHRU - Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) menyeru semua warga kerjanya menjalankan tugas dengan berintegriti dan sedia bekerjasama dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sekiranya terdapat unsur pecah amanah oleh kakitangannya.

Datuk Bandar MBJB, Amran A Rahman berkata, pihaknya tidak akan bertolak ansur dengan kesalahan yang membabitkan soal integriti kerana akan mencemar nama baik pihak berkuasa tempatan (PBT) itu.

Menurutnya, beliau tidak mahu salah laku seumpama itu menimbulkan persepsi tidak baik dalam kalangan warga bandaraya Johor Bahru dan sedia memberi kerjasama penuh kepada pihak berkuasa sekiranya berlaku aktiviti tidak berintegriti.

"Sesungguhnya kita semua diberikan amanah, maka tunaikanlah dengan sifat tanggungjawab. Integriti bukan sahaja meliputi sifat individu tetapi juga merangkumi beberapa aspek seperti persekitaran, bidang tugas, masyarakat dan lain-lain yang berkaitan.

"Saya sama sekali tidak akan bertolak ansur dengan kesalahan berkaitan integriti seperti rasuah dan pecah amanah kerana akan mencemar nama baik MBJB," katanya.

Sementara itu dalam perkembangan berlainan, Amran berkata, sebanyak 399 kenderaan menyebabkan halangan lalu lintas dan kenderaan terbiar ditunda di kawasan pentadbiran MBJB sepanjang bulan lalu.

Katanya, tindakan penguatkuasaan itu bagi memastikan lalu lintas di sekitar bandar raya berjalan lancar dan tidak berlaku kesesakan trafik di kawasan tumpuan utama.

"Jabatan Penguatkuasaan MBJB turut menjalankan operasi penguatkuasaan sitaan dengan 63 sitaan dikenakan ke atas penjaja atau peniaga tanpa lesen, penjaja warga asing dan halangan di premis perniagaan.

"Selain itu, Jabatan Penguatkuasaan turut menurunkan 2,968 iklan ah long dan 239 sepanduk yang tamat tempoh, dipamerkan di tempat tidak dibenarkan dan tidak mempunyai permit," katanya.